



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“UTAMAKAN JAMINAN BEKALAN MAKANAN”

10 Jun 2022 / 10 Zulkaedah 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِلِ

﴿ قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾ ثُمَّ يَأْتِي

مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَحْصِنُونَ ﴿٤٨﴾ ﴾

Bermaksud: Yusuf berkata hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah ia pada tangkainya kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).
(Surah Yusuf: 47-48)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Utamakan Jaminan Bekalan Makanan**”.

Kebelakangan ini, masalah mendapatkan bahan makanan, semakin menimbulkan keresahan masyarakat. Bekalan makanan tertentu dilaporkan tidak cukup dan sukar diperoleh, di samping harga makanan yang bertambah mahal.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Keadaan ini jika gagal ditangani secara pantas lagi berkesan, dikhuatiri memungkinan berlaku krisis makanan. Krisis makanan boleh meruncing, apabila beberapa buah negara mula mengambil langkah untuk mengutamakan keperluan makanan rakyat mereka dengan menghentikan eksport barangan mentah. Konflik politik antarabangsa dan peperangan yang berlaku di Ukraine, dimudaratkan lagi dengan perubahan iklim, telah menyebabkan beberapa barangan mentah dan bahan makanan seperti gandum, minyak masak, gula, ayam, daging, ikan dan sayur-sayuran mula dihadkan eksport oleh beberapa buah negara. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu turut memberi amaran berkenaan gangguan bekalan makanan peringkat global, sekali gus mencetuskan kebimbangan akan kemungkinan berlakunya krisis kebuluran secara meluas.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Makanan dan nyawa manusia ialah kembar hidup yang termaktub dalam kamus alam. Tanpa makanan, nyawa yang bersangkar dalam tubuh manusia boleh terlepas menuju alam barzakh. Islam memandang serius soal makanan kerana ia adalah sumber kehidupan; selaras dengan *maqasid syariah*, menjaga nyawa. Kerana itu, demi menjaga nyawa, dalam keadaan darurat, Islam memberi kelonggaran membolehkan manusia mengambil makanan yang haram sekadar untuk mengalag perut.

Dalam al-Quran terkandung ayat-ayat yang memberikan peringatan mengenai pentingnya menyediakan bahan makanan melalui kegiatan pertanian dan ternakan. Firman Allah SWT:

﴿ فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ۝ ٢٧ وَعِنَبًا وَقَضْبًا ۝ ٢٨ وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ۝ ٢٩ وَحَدَائِقَ غُلَبًا ۝ ٣٠ وَفَلَكَةً وَأَبَّا ۝ ٣١
مَتَاعًا لَّكُمْ ۖ وَالْأَنْعَامِ ۝ ٣٢ ﴾

Bermaksud: Lalu kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian dan buah anggur serta sayur-sayuran juga pokok zaitun dan kurma dan taman yang menghijau subur untuk kegunaan kamu dan binatang ternakan mu. (surah Abasa ayat 27-32)

Allah SWT juga berfirman mengenai ternakan;

﴿ وَالْأَنْعَامَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ۝ ﴾



Bermaksud: Dan binatang ternak itu, Dia juga menciptakan untuk kamu; terdapat padanya benda (bulu dan kulit) yang memanaskan tubuh daripada sejuk dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan. (Surah An-Nahl: 5)

Iklim yang semakin tidak menentu, turut mempengaruhi hasil pertanian dan ternakan. Pengurusan pertanian dan ternakan yang lebih berkesan diperlukan, demi memastikan bekalan bahan makanan tidak akan teruk terjejas, yang boleh mengakibatkan berlaku kebuluran kepada ramai penduduk dunia. Kerajaan hendaklah mempertingkatkan kemampuan pengurusan bencana kerana kelemahan menangani bencana seperti banjir besar dan hakisan tanah, boleh membawa kemusnahan pada usaha pertanian dan penternakan yang sedang dijalankan, menyebabkan kerugian besar kepada pengusaha dan ekonomi negara.

Dalam kebimbangan menghadapi krisis bekalan makanan, ummah tidak boleh bersifat melihat, menanti dan berpeluk tubuh. Di sebaliknya ummah hendaklah memikirkan langkah dan tindakan yang perlu diambil secara segera - secara bijaksana. Menyediakan bahan makanan untuk menyelamatkan ummah daripada menghadapi kebuluran ialah tugas wajib. Ummah wajib mengambil iktibar, menjadikan pengajaran dan panduan daripada sejarah dan pengalaman masa lalu.

Hendaklah diambil iktibar, kebijaksanaan Nabi Yusuf AS menguruskan bekalan makanan sewaktu negara dilanda kemarau yang lama. Sebelum kemarau tiba, Baginda mengemukakan perancangan bijak untuk menghadapi kemarau panjang. Walaupun dilanda tujuh tahun kemarau, namun dengan perancangan yang bijak, berserta pengurusan khazanah negara secara jujur di bawah pimpinan Nabi Yusuf AS, rakyat Mesir berjaya diselamatkan daripada terkorban kerana kebuluran, malah Mesir ketika itu, turut berupaya menyediakan bekalan makanan kepada pedagang luar yang datang kerana memerlukan makanan.

Malaysia ketika ini terlalu banyak bergantung kepada bahan makanan yang perlu diimport dari luar negara. Nilai import bahan makanan ketika ini mengatasi nilai eksport. Pada tahun 2020, nilai import barangan makanan mencecah hampir 56 bilion ringgit berbanding 34 bilion ringgit nilai eksport. Keadaan tidak seimbang ini, tidak sepatutnya berlaku dalam sebuah negara yang dikurniai Ilahi dengan bumi yang subur, bekalan air yang cukup, mendapat pancaran matahari sepanjang masa dan memiliki tenaga kerja yang ramai.



Muslimin yang dikasihi kerana Ilahi

Seyogianya mimbar menarik perhatian ummah kepada perkara-perkara berikut:-

Pertama: Hendaklah diterima hakikat bahawa dunia sedang menghadapi krisis bekalan makanan, merangkumi aspek bekalan bahan mentah serta kos pengangkutan yang bertambah tinggi kerana harga minyak yang semakin meningkat. Akibat bekalan bahan makanan yang semakin kurang dan kos pengangkutan yang semakin tinggi, kini harga makanan dalam pasaran bertambah mahal.

Kedua: Jika tidak dilakukan langkah-langkah persiapan, dibimbangkan kemungkinan ramai manusia terutama dalam kalangan yang berpendapatan rendah dan miskin, sukar mendapat bahan makanan. Ummah tidak harus berdiam diri, di sebaliknya hendaklah memenuhi tanggungjawab fardu kifayah, melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dapat membantu menambahkan bekalan bahan makanan. Manfaatkan tanah milik atau kawasan di sekitar kawasan perumahan dengan kegiatan bercucuk tanam. Semaikan minat dalam kegiatan pertanian dan ternakan, pelajari ilmu dan kuasai kemahiran pengurusan pertanian dan ternakan agar dapat membantu menambah pengeluaran makanan dalam negara.

Ketiga: Ketika ini hampir 50 buah masjid di negeri Perak telah bergiat dalam kegiatan pertanian yang wajib dijadikan contoh teladan oleh semua Jawatankuasa Masjid di negeri Perak; manfaatkan tanah wakaf saraan dengan usaha menanam sayuran dan buah-buahan agar hasilnya dapat dimanfaatkan oleh penduduk kariah terutama dalam kalangan yang sangat memerlukan. **Keempat:** Berjimat cermat dan tidak membazirkan bahan makanan, bermula dengan amalan mengurangkan segenggam beras ketika bertanak, mengurangkan secamca gula ketika membancuh minuman, mengurangkan sebiji cili dan seulas bawang, sepaha ayam dan setahil ikan ketika memasak, termasuk mengurangkan bilangan juadah yang dihidangkan dalam setiap jamuan.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ
بَيْنِهِمْ وَالْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ
اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Bukalah pintu hati kami untuk meminati kegiatan pertanian dan ternakan. Berkatilah kegiatan pertanian dan ternakan yang kami usahakan; suburkan tanaman serta biakan ternakan kami agar dengannya kami dapat menikmati bahan makanan yang cukup. Turunkanlah hujan yang membawa rahmat, suburkan bumi kami, lindungi ternakan kami daripada serangan penyakit, serta jauhi kami daripada kebuluran.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَابْتِغَىٰ لِعَظْمِكُمْ لِعَظْمِكُمْ تَذَكُّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.